



# NOTIS MAKLUMAN JAWATAN KOSONG

Pemohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan dan bermastautin di Sarawak untuk mengisi jawatan kosong di Perbadanan Sukan Sarawak seperti berikut :-

## PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19 (3 KEKOSONGAN)

Taraf Jawatan : Jawatan Berasaskan Caruman  
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)  
Gred Jawatan : N19  
Jadual Gaji Gred N19 : Gaji Minimum – Gaji Maksimum  
RM 1,352.00 - RM 4,003.00  
Kadar kenaikan gaji tahunan : RM100.00

### Syarat Lantikan:

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - warganegara Malaysia;
  - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - mempunyai kelayakan
    - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00);** atau
    - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40);** atau
    - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80)**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Sokongan yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemrosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi)

## JAWATAN : PEMBANTU AWAM GRED H11 (3 KEKOSONGAN)

Taraf Jawatan : Jawatan Berasaskan Caruman (JBC)  
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran (H)  
Gred Jawatan : H11  
Jadual Gaji Gred H11 : Gaji Minimum - Gaji Maksimum  
RM1, 218.00 – RM2,939.00  
Kadar kenaikan tahunan – RM 80.00

### Syarat Lantikan:

- warganegara Malaysia;
- berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. **(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00)**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Memiliki Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I/PSV/GDL

### Deskripsi Tugas:

- Menjalankan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan

- keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.
- Pernah berkhidmat dengan PDRM di Unit Senjata Api.
- Calon yang berjaya akan bertanggungjawab ke atas Lapang Sasar Menembak dan menyimpan alat menembak selepas digunakan.
- Memastikan semua senjata api di jaga dan sentiasa dalam keadaan memuaskan sebelum/ selepas digunakan.
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan.

## JAWATAN : PEMBANTU OPERASI GRED N11/N14 (3 KEKOSONGAN)

Taraf Jawatan : Jawatan Berasaskan Caruman (JBC)  
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)  
Gred Jawatan : N11/N14  
Jadual Gaji Gred N11 : Minimum – Maksimum  
RM1, 216.00 – RM2,983.00  
Kadar kenaikan tahunan – RM 80.00

### Kelayakan Lantikan:

- warganegara Malaysia;
- berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1, 216.00);** atau
  - Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1, 262.15).**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### Deskripsi Tugas:

- Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta pemanduan kenderaan.
- Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E.
- Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat/jeti [Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)].

## CARA MEMOHON

Semua pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan Sistem Saran Malaysia termasuk mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Negeri **adalah diwajibkan untuk mengemukakan permohonan secara online melalui e-Recruitment.**

Untuk maklumat lanjut dan cara membuat permohonan, sila layari laman sesawang <http://erecruitment.sarawak.gov.my>

### KETERANGAN AM

- Calon yang berjaya disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan dari pihak PSS dalam tempoh **ENAM(6) bulan** dari tarikh tutup permohonan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA.**
- TEMPOH SAHLAKU permohonan adalah selama **ENAM(6) bulan** dari tarikh tutup iklan.

Tarikh tutup permohonan ialah pada **10 Ogos 2021**